

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 202**

**YB Datuk Koh Nai Kwong (Alor Gajah) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan ;**

- a) apakah statistik kes bunuh diri mengikut daerah, umur dan jantina , dan
- b) apakah yang dilakukan oleh Kementerian untuk menangani masalah kemurungan yang membawa kepada kes bunuh diri yang semakin membimbangkan di negara ini, terutama di kalangan belia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sejumlah 425 kes bunuh diri dilaporkan pada tahun 2015, dimana menggantung diri adalah kaedah bunuh diri yang paling kerap dilaporkan Statistik ini termasuk remaja, dewasa dan orang tua.

Antara langkah-langkah menangani masalah kemurungan yang membawa kepada kes bunuh diri yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah:

- I. Di kalangan remaja, KKM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Program Minda Sihat dan Program Resilien Remaja dalam kalangan murid sekolah menengah seluruh negara. Melalui saringan DASS yang dilaksanakan kepada murid Tingkatan 4 di 2,343 buah sekolah menengah, tahap stres, keresahan dan kemurungan pelajar boleh dikenalpasti dan diberi intervensi bersesuaian oleh kaunselor sekolah serta dirujuk jika perlu. Guru-guru turut diberi latihan mengenalpasti awal masalah kemurungan dan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan murid melalui skop “Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan” di dalam Modul Latihan Minda Sihat. Program Minda Sihat ini juga telah dicadangkan untuk diperluaskan kepada pelajar kolej komuniti di seluruh negara.
- II. Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stress dan kemurungan di kalangan komuniti, usaha-usaha mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerkasaan komuniti di mana elemen menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam KOSPEN.
- III. Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Program Menangani Stres di Tempat Kerja melalui KOSPEN PLUS bagi membantu warga kerja untuk menangani stres.

- IV. KKM menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital kerajaan di seluruh Malaysia yang turut menawarkan perkhidmatan kaunselling dan psikoterapi kepada individu yang mengalami kemurungan dan keinginan bunuh diri. Di peringkat kesihatan primer sebanyak 761 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental dengan lebih 200 orang Pakar Perubatan Keluarga yang terlatih dari aspek kaunseling dan *psychoeducation* dalam merawat kemurungan dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri.
- V. Aktiviti-aktiviti promosi bagi menambah kesedaran awam telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia termasuklah ;
- a. Sambutan hari Kesihatan Sedunia tahun ini telah bertemakan ‘Depression Let’s Talk’ atau ‘Kemurungan Mari Berbincang’ telah mempromosikan kepentingan kemurungan dan cara-cara mengenalpasti simptom kemurungan serta keperluan untuk mendapatkan bantuan
  - b. Sambutan Hari Cegah Bunuh Diri Sedunia , Seminar “Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan” yang dilaksanakan secara berkala yang melibatkan pelbagai agensi antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara, Mahkamah Tinggi Persekutuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, (APAM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

- VI. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan sokongan dari Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan Tindakan dan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*) yang menggariskan lapan (8) skop utama bagi menangani tingkah laku bunuh diri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Strategi-strategi tersebut adalah:
- a. promosi kesihatan mental
  - b. pengesanan awal dan rawatan komprehensif penyakit mental
  - c. kerjasama di antara agensi kerajaan bukan kerajaan,
  - d. pembangunan modal insan
  - e. meningkatkan penyelidikan tentang tingkah laku bunuh diri,
  - f. menggalakkan cara pelaporan media yang betul tentang bunuh diri
  - g. memantapkan lagi sistem surveilan pengumpulan data bunuh diri
  - h. mengurangkan akses kepada '*lethal means*'
- VII. Menerbitkan bahan-bahan pendidikan kesihatan/IEC (*Information, Education and Communication*) dalam bentuk risalah dan poster berkaitan kesihatan mental, penyakit mental dan Cegah Bunuh Diri "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan atau Prevent Suicide: Saving Lives, Restoring Hope". Masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan mental, tanda-tanda awal penyakit mental dan cegah bunuh diri di [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)
- VIII. Kementerian Kesihatan bekerjasama dalam mempromosikan perkhidmatan *The Befrienders*, satu NGO yang menawarkan

perkhidmatan kaunseling, melalui telefon dan e-mel, perkhidmatan perbincangan dan kaunseling secara tertutup melalui laman web facebook [www.facebook.com/Befrienderskl](http://www.facebook.com/Befrienderskl), kepada individu yang mempunyai masalah emosi, murung, dan keinginan untuk membunuh diri. Badan ini mempunyai 7 cawangan di seluruh Malaysia dan dikendalikan oleh lebih dari 300 orang sukarelawan yang terlatih dalam aspek kaunseling. Risalah Cegah Bunuh Diri yang diterbitkan oleh KKM memaparkan talian The Befrienders yang boleh dihubungi.

- IX. KKM juga telah bekerjasama dengan pihak media dalam menyediakan *Guidelines for Media Reporting on Suicide* bagi memberi panduan kepada media tentang cara yang betul dalam melaporkan kejadian bunuh diri.

**Tuan Yang DiPertua,**

- X. Kementerian Kesihatan telah membangunkan Modul Latihan Pencegahan Bunuh Diri, Garispanduan Amalan Klinikal Pengendalian Kemurungan dan Skizofrenia serta Garispanduan Mengendalikan Kes Tingkahlaku Bunuh Diri di Hospital dan akan terus mempertingkatkan latihan kepada anggota kesihatan dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai kemurungan, masalah mental atau tingkah laku bunuh diri.

8

**SOALAN ( 203 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]

**SOALAN :-**

YB. Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPAT** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan untuk memastikan pengurusan sampah dan sisa pepejal masih boleh ditangani dalam jangka masa panjang memandangkan tempat pembuangan sampah makin kurang dan masih bukan semua negeri mewajibkan pengasingan sampah.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merangka pelbagai inisiatif dan strategi bagi memastikan pengurusan sisa pepejal boleh ditangani dalam jangka masa panjang seperti berikut:

- (i) melaksanakaan penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (*Separation at Source*) di isi rumah bermula pada 1 Jun 2016 di negeri-negeri yang menerimapakai Akta 672 iaitu negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis, Pahang serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- (ii) meningkatkan kawalan melalui penguatkuasaan undang-undang terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan seperti yang termaktub di bawah Seksyen 71, Akta 672 yang memperuntukkan larangan terhadap perlonggokan dan pengolahan sisa pepejal terkawal tanpa kebenaran;

- (iii) menggubal Peraturan-Peraturan Baru bagi mengawal selia pengurusan sisa pepejal perniagaan (sisa pepejal keinstitusian, komersial dan industri) serta sisa pepejal pembinaan agar sisa tersebut dapat diuruskan secara holistik dan tidak mencemarkan alam sekitar. Peraturan-Peraturan ini juga akan mewajibkan penjan-penjana yang sisa berkenaan mengasingkan sisa pepejal di punca;
- (iv) mengenal pasti kaedah rawatan sisa pepejal seperti pembinaan loji Waste to Energy (WtE) iaitu insinerator di beberapa buah kawasan yang mempunyai penjanaan sisa yang tinggi seperti di Kuala Lumpur bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan. Ia bukan sahaja sebagai salah satu teknologi rawatan sisa pepejal malahan ia merupakan salah satu inisiatif pemerolehan semula tenaga diperbaharui dan ia juga adalah salah satu inisiatif *waste to wealth*; dan
- (v) mengadakan program pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat secara berterusan sekaligus mentransformasi minda masyarakat Malaysia ke arah menggalakkan amalan kitar semula serta amalan

hidup yang lestari dan hijau sekaligus mengurangkan sisa pepejal yang dijana.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,

Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

November 2017